

## Pertandingan Debat Hak Asasi Manusia: "UDHR @ 60 and still not all is right"

Contributed by Seira Sacha Binti Abu Bakar  
Sunday, 12 October 2008 09:39PM

### KUALA LUMPUR:

Pada 11 Oktober 2008, Majlis Peguam telah mengadakan satu sidang akbar melancarkan pertandingan Debat Hak Asasi Manusia 2008 yang akan berlangsung pada 9-12 Disember 2008 bertema "UDHR @ 60 and still not all is right".

Pertandingan ini dijalankan sempena sambutan sedunia Hari Hak Asasi Manusia, dan adalah projek Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Majlis Peguam. Kolej KDU telah bersetuju menjadi tempat pertandingan ini.

Sidang akhbar yang berlangsung pada pukul 2.30 petang telah diketuai oleh Presiden Majlis Peguam, Dato' Ambiga Sreenevasan, Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Edmund Bon, Pengarah Pertandingan, Khaizan Sharizad bte Abd. Razak, dan ahli-ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Joanna Loy @ Loi Wen Shin, Rachel Vanuja Suppiah dan Siti Zabedah bte Kasim, serta juara Asia dan 'Worlds Council Registrar' dari Malaysia, Adiba Shareen.

Sidang tersebut dimulakan oleh Dato' Sreenevasan dengan beliau membaca kenyataan akhbar. Majlis berkenaan pertandingan Debat Hak Asasi Manusia tersebut. Antara lainnya, Dato' Sreenevasan menyatakan bahawa beliau amat teruja berkenaan pertandingan ini yang akan melihat lebih kurang 300 peserta-peserta dari institusi-institusi tempatan dan antarabangsa berdebat isu-isu berhubung hak asasi.

Edmund Bon kemudiannya menyatakan bahawa tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap persefahaman di kalangan masyarakat berkenaan hak asasi, dan memberi peluang bagi perbincangan isu-isu semasa secara terbuka. Menurut beliau, pertandingan seperti ini adalah satu 'platform' untuk masyarakat, khususnya kaum muda, untuk menyuarakan pendapat mereka di dalam suatu forum dan tempat yang selamat. Beliau seterusnya menambah bahawa bagi mereka yang tidak ingin berdebat, mereka boleh menyertai pertandingan 'Public Speaking' yang akan dijadualkan bersama-sama pertandingan debat.

Dato' Sreenevasan menyatakan bahawa Majlis Peguam telah mengajak beberapa ahli debat dunia terkenal seperti Mohd Faisal Moideen (peguam dari Malaysia), Neill Harvey Smith (dari Oxford), Sharmilla Pharamanand (dari Ateneo de Manila) dan Adiba Shareen untuk mengetuai barisan hakim pertandingan ini.

Adiba Shareen dan Khaizan Sharizad menerangkan format pertandingan tersebut kepada anggota media. Pertandingan tersebut akan mengikut format 'British Parliamentary Debating Format' di mana debat tersebut dibahagikan kepada 4 bahagian – pembukaan oleh kerajaan, penutupan oleh kerajaan, pembukaan oleh pembangkang dan penutupan oleh pembangkang. Hadiah-hadiah wang tunai dan piala akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

Kepada soalan daripada anggota media sama ada Majlis Peguam ada mengambil sebarang langkah bagi memastikan pertandingan ini tidak akan mengundang

kontroversi seperti forum lain anjuran Majlis Peguam yang lepas, Dato' Ambiga menjawab bahawa tiada sebarang langkah istimewa yang akan diambil memandangkan tiada elemen kontroversi dalam pertandingan ini. Majlis telah dan selalu menganjurkan program-program seperti biasa dan pada 13 Oktober 2008, suatu forum berkenaan "DNA Bill" akan diadakan. Ini kerana Majlis percaya peguam-peguam ingin berbincang masalah-masalah masyarakat dari aspek-aspek undang-undang dan ini perlu digalakkan.

Kepada soalan berkenaan topik yang akan dipilih untuk pertandingan tersebut, Adiba menjawab bahawa topik untuk didebat oleh peserta-peserta akan hanya diumumkan sebelum pertandingan tersebut. Dato' Ambiga menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang perkara yang perlu dianggap sebagai sensitif dan dihalang dari dibincang dalam masyarakat majmuk kita pada hari ini.

Edmund selanjutnya menyatakan bahawa salah satu tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk mempromosikan kebebasan untuk bersuara. Sekiranya terdapat pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan konsep hak asasi manusia di negara ini, mereka dijemput dan diundang untuk menyertai pertandingan ini dan menyuarakan pendapat mereka. Pertandingan ini akan menggalakkan diskusi yang matang dan rasional kerana terdapatnya badan hakim-hakim terkemuka yang akan membuat keputusan pertandingan berdasarkan merit-merit hujahan.

Sidang akhbar berakhir sekitar pukul 3.00 petang.